

# Seminar silat: Penjelasan dua pihak

25 OCT 1991

PERSEKUTUAN Silat Singapura (Persisi) telah memberitahu anggota kerabatnya, termasuk Persatuan Wanita dan Teruna (Perwanit), tentang rancangannya menganjurkan seminar silat sejak Januari lalu.

Perwanit pula telah merancang menganjurkan seminar serupa sejak 1989, tetapi tertangguh beberapa kali, sebelum ia akhirnya dapat diputuskan untuk diadakan hujung minggu ini.

Demikian penjelasan dua badan itu ketika ditanya mengapa perlu diadakan dua seminar serupa dalam seminggu.

Setiausaha Agung Persisi, Encik Mohamad Kaspari, berkata pihaknya sentiasa memberitahu setiap anggota kerabatnya jika sesuatu kegiatan akan diadakan.

"Berita mengenai rancangan Persisi mengadakan seminar untuk meninjau perkembangan silat pada masa depan di Singapura telah disampaikan kepada anggota kerabat kami pada Januari lalu," kata Encik Mohamad.

Bagaimanapun, Persisi tidak menghalang anggota-anggota kerabatnya daripada mengadakan seminar ma-

sing-masing, kata beliau.

Persisi telah menganjurkan seminar yang bertema *Silat: Tahap Selanjutnya* Ahad lalu.

Perwanit pula akan menganjurkan seminar untuk meninjau perkembangan silat dalam tahun-tahun 2000 Ahad ini.

Semasa dihubungi malam tadi, Setiausaha Agung Perwanit, Encik Johari Uriff, menjelaskan persatuan itu merancang mengadakan seminar itu pada 1989.

Tetapi, rancangan terpaksa ditangguh kerana beberapa masalah, katanya. Beliau tidak menjelaskan lebih lanjut mengenai halangan itu.

Dalam mesyuarat agung tahunan Perwanit Jun lalu, persatuannya memutuskan untuk meneruskan seminar itu, katanya.

Laporan mengenai rancangan Perwanit menganjurkan seminar itu telah diumumkan dan dilaporkan di akhbar Jun lalu, katanya.

Penjelasan Persisi bahawa ia tidak akan menghalang anggota kerabatnya daripada mengadakan seminar masing-masing juga disambut dengan gembira oleh Perwanit, kata Encik Johari.